



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI SELANGOR**

Menara NAZA TTDI  
Tingkat 6, 12 dan 13  
No. 11, Jalan Judo 13/45  
Seksyen 13, 40100 Shah Alam  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 603-5520 5200  
Faks: 603-5520 5281  
Laman Web:  
<http://www.anm.gov.my/index.php/utama-selangor>

Rujukan Kami: ANM(SEL)PD.400-3 Jilid 2(38)  
Tarikh: 18 September 2020

Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab  
Di bawah Selian JANM Negeri Selangor

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGURUSAN AKAUN PUKAL PUSAT TANGGUNGJAWAB**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jabatan ini ingin menarik perhatian YBhg. Dato'/Tuan/Puan berkenaan tanggungjawab pengurusan akaun pukal Pusat Tanggungjawab (PTJ) selaras dengan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 7 Tahun 2018, Lampiran D: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Pukal.**

3. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa amaun pada bil/invois yang diterima adalah pada jumlah tepat atas bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh agensi pukal.

4. Sehubungan dengan itu, bagi mengelakkan berlakunya kerugian kepada kerajaan yang disebabkan oleh bil/invois ke atas bekalan/perkhidmatan yang tidak dibekalkan atau amaun yang tidak tepat pada bil/invois, pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan perlu memastikan bahawa tindakan berikut dilaksanakan selaras dengan SPANM Bil. 7 Tahun 2018:

- i. memastikan bil/invois bulanan diterima daripada agensi pukal;
- ii. menjana dan menyemak sekurang-kurangnya sebulan sekali laporan bulanan pembayaran pukal, laporan terperinci pembayaran pukal dan laporan kedudukan vot/dana; dan
- iii. sebarang kesilapan bil/invois, PTJ hendaklah merujuk terus kepada agensi pukal yang berkenaan untuk tindakan pelarasan atau bayaran balik.

5. Jabatan ini juga ingin memberi penekanan akan tanggungjawab PTJ untuk menyemak akaun pukal yang **berbaki kredit dan mengutip semula amaun terlebih bayar kepada agensi pukal dengan serta merta.**

Perkara : Pengurusan Akaun Pukal Pusat Tanggungjawab  
Rujukan Kami: ANM(SEL)PD.400-3 Jilid 2 (34)  
Tarikh : 18 September 2020

---

6. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(AZMAYANTI BINTI MOHD ASSA'AD C.A.(M), ACMA, CGMA)**

b.p. Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Selangor

No. Tel: 03-5520 5203 No. Faks: 03-5510 5049

Emel: [azmayanti@anm.gov.my](mailto:azmayanti@anm.gov.my)